

## **KUALITI HIDUP PESERTA SKIM SALCRA DI BETONG, SARAWAK: PENDIDIKAN DAN PERANANNYA KE ATAS KESEJAHTERAAN HIDUP**

### ***QUALITY OF LIFE AMONG SALCRA PARTICIPANTS IN BETONG, SARAWAK: EDUCATION AND IT'S ROLES TO THE STANDARD OF LIVING***

Incham Anak Manggat<sup>1</sup>, Rajwani Mohd Zain<sup>2</sup> & Zakiyah Jamaluddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok

Correspondence author: Incham Anak Manggat (email:  
[inchammanggat88@gmail.com](mailto:inchammanggat88@gmail.com))

#### **ABSTRACT**

*Quality of life among community influenced by level of education as it one of the determinant factor. This study aims at identifying the level of quality of life among Native Customary Right (NCR) landowners who were also Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) development programme participants and its relationship with quality of life in general. Using questionnaires, this study interviewed 300 household heads at the selected longhouses in Betong division, Sarawak. Data collected through constructed questionnaire from previous study to examine the impact of level of education and it's association to the quality of life among SALCRA participants. Quality of life among SALCRA participants directly and indirectly determines by the role of education factor as it one of the indicator to measure quality of life. Findings of the study revealed that the majority of SALCRA participants in the study area shows low level of education. Even, have small number it is 17.3 percent participants in this study did not go for formal education. The important of education to the quality of life in all aspect well known especially in this globalisation era of modern society. It is government objectives to involved rural community to fully participate in education to makesure everyone access to formal*

*education. About 55.7 percent of the SALCRA participants go to primary school, make it the biggest number compare to those go to high school. The implications of level of education among SALCRA participants directly influence participants economy and occupation, as it one of important factor to improve the quality of life. Therefore, the emphasis and the need for opportunities in education, particularly in rural areas related to SALCRA participants, should be strengthened more accurately.*

**Keywords:** *Education, economy, formal education, longhouses, rural area, quality of life.*

## ABSTRAK

Tahap pendidikan merupakan salah satu aspek yang boleh mempengaruhi kualiti hidup sesebuah komuniti. Kajian ini bertujuan mengkaji kualiti hidup pemilik tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang terlibat sebagai peserta dengan Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA). Kajian ini dijalankan terhadap 300 peserta skim SALCRA yang tinggal di rumah panjang terpilih di Betong, Sarawak. Data dikumpul melalui borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian terdahulu bertujuan untuk melihat impak tahap pendidikan terhadap kualiti hidup peserta SALCRA. Peranan faktor pendidikan peserta skim SALCRA menjadi indikator yang menentukan tahap kualiti hidup peserta skim SALCRA secara langsung mahupun tidak langsung. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti peserta skim SALCRA mempunyai tahap pendidikan rendah, malah terdapat sebilangan kecil iaitu (17.3%) responden dalam kajian ini tidak pernah menerima pendidikan formal. Dalam era globalisasi yang serba maju dan moden umum mengetahui kepentingan pendidikan ke atas kualiti hidup dan pihak pemerintah pula mengharapkan agar tidak ada keciciran dari aspek pendidikan berlaku terutamanya kepada masyarakat luar bandar. Di samping itu, peratusan responden yang menerima pendidikan sekolah rendah adalah yang teramai iaitu 55.7%. Aspek pendidikan dilihat sebagai salah satu faktor penting dalam meningkatkan tahap kualiti hidup. Implikasi tahap pendidikan responden ke atas kualiti hidup telah memberi impak ke atas pekerjaan dan ekonomi responden. Oleh itu, penekanan dan keperluan peluang dalam aspek pendidikan terutamanya melibatkan peserta SALCRA di luar bandar perlu diperkukuhkan dengan lebih jitu lagi.

**Kata Kunci:** *Ekonomi, kualiti hidup, luar bandar, pendidikan, pendidikan formal, rumah panjang.*

## **Pengenalan**

Pendidikan merupakan penanda aras terpenting dalam menentukan kualiti hidup manusia. Pendidikan telah terbukti menjadi satu indikator utama dalam menentukan kebolehpasaran pekerjaan, sumber pendapatan, status sosial, selain menjadi penentu utama ke atas sikap, kesejahteraan hidup dan kualiti hidup (Sarah, Salma & Arfa, 2016). Menurut Samruhaizad & Azahan (2017) pendidikan merupakan pemangkin terhadap kehidupan manusia yang lebih sejahtera ke arah peningkatan hidup yang lebih sempurna, kebijaksanaan pengurusan dalam pengendalian ekonomi keluarga, kewibawaan dalam hubungan sesama manusia serta keseimbangan diri dari segi fizikal, mental dan spiritual.

Walaupun begitu, hingga ke hari ini kualiti hidup masyarakat pedalaman dari aspek pendidikan dilihat masih berada pada tahap yang rendah. Terdapat jurang perbezaan yang ketara di antara kawasan bandar dan pedalaman dari aspek pendidikan. Kualiti hidup masyarakat pedalaman terutamanya golongan petani bukan sahaja berpendapatan rendah malah turut ketinggalan dari aspek pendidikan berbanding dengan masyarakat bandar. Beberapa kajian lepas berkaitan tahap kualiti hidup masyarakat luar bandar yang kebanyakannya bumiputera menunjukkan bahawa etnik orang asal seperti Orang Asli merupakan kumpulan termiskin dan tertinggal. Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli seperti kemiskinan, masalah aksesibiliti kepada kemudahan asas pendidikan, lokasi penempatan jauh di kawasan pedalaman dan kesedaran yang rendah dalam kalangan ibubapa Orang Asli tentang kepentingan aspek pendidikan (Mazdi, Jabil & Rosmiza, 2014; Doris, Abdul, Norlida et al, 2012; Mohamad & Abdul, 2009; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Tahap pendidikan yang rendah dan tiada pendidikan langsung dalam kalangan individu sudah pasti memberi impak kepada kualiti hidup individu dan komuniti secara keseluruhan. Kajian oleh Kiky & Junaenah (2015) mendapati faktor pendidikan mempunyai hubungkait yang signifikan dengan kualiti hidup. Ini adalah kerana pendidikan mempunyai hubungan langsung dengan jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan yang diperoleh. Pendidikan yang rendah menawarkan pekerjaan dengan gaji yang sedikit (Buarque, Spolar & Zhang, 2006). Ini menunjukkan bahawa aspek sosial dan ekonomi terkesan dengan tahap pendidikan individu.

Huraian di atas menggambarkan pelbagai masalah ekonomi dan sosial yang wujud dalam kehidupan masyarakat luar bandar kesan dari faktor pendidikan. Aspek pendidikan masyarakat luar bandar perlu diberi keutamaan. Pada masa yang sama kekangan dalaman mahupun luaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar untuk akses kepada pendidikan sewajarnya dilihat masih belum setanding dengan masyarakat bandar yang sememangnya mempunyai ruang dan peluang seluasnya aksesibiliti kepada pendidikan. Sehingga kini jurang kualiti hidup dari aspek pendidikan masyarakat pedalaman dan masyarakat bandar dilihat masih melebar.

### **Ulasan Karya: Konsep Pendidikan dan Kepentingan Pendidikan ke atas Kualiti Hidup**

Perbincangan mengenai kepentingan dan konsep pendidikan oleh ahli sarjana masih gagal mencapai titik persamaan kerana perbezaan latar belakang budaya, agama, adat resam dan sudut pegangan keilmuan. Bagaimanapun, masing-masing ada alasan kukuh untuk mempertahankan hujah yang diutarakan. Menurut Saharia (2015) pendidikan didefinisikan sebagai satu sistem dalam sesebuah kehidupan yang mengandungi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Hujah tersebut ada asasnya kerana tidak ada negara yang boleh mencapai pembangunan ekonomi yang stabil dan kukuh tanpa melakukan pelaburan dalam pembangunan modal insan. Pendidikan menjadi elemen penting mendidik individu supaya kaya dengan ilmu pengetahuan. Ini adalah kerana melalui pendidikan akan dapat meningkatkan produktiviti dan kreativiti individu selain mempromosikan nilai-nilai keusahawanan dan kecanggihan teknologi terkini (Sarah, Salma & Arfa, 2016). Tambahnya lagi, hanya pendidikan yang mampu mentransformasikan kehidupan individu kepada satu tahap yang lebih baik dan mendorong ke arah manfaat sosial yang lebih meluas kepada individu dan masyarakat.

Selain itu, pendidikan juga turut diertikan sebagai satu proses menyampaikan dan menerima ilmu pengetahuan dengan tujuan untuk membangunkan daya intelek dan keyakinan individu. Perbincangan mengenai pendidikan tidak boleh lari daripada menyentuh aspek pembelajaran. Ini adalah kerana pendidikan dipelajari dan boleh diterima sama ada melalui pendidikan formal ataupun pendidikan tidak formal. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa matlamat utama pendidikan adalah untuk mendidik manusia berfikir secara rasional, bebas dan baik selain

bermatlambat untuk menyelesaikan masalah dengan berkesan (Abdul, 2003). Justeru itu, matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari semua aspek kemanusiaan perlulah difahami dengan sebaiknya oleh semua pihak.

Selain daripada pemahaman terhadap konsep pendidikan, kajian ini juga cuba untuk mengetengahkan kepentingan pendidikan kepada komuniti luar bandar. Kepentingan pendidikan terhadap aspek kualiti hidup penduduk luar bandar dilihat signifikan untuk dibincangkan memandangkan masih terdapat jurang di antara penduduk luar bandar dan bandar dari segi penyertaan ke atas aspek pendidikan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Javed, Khilji & Mujahid (2012) terhadap penduduk kampung di Pakistan mendapati pendidikan amat signifikan dengan kualiti hidup. Kedua-dua entiti tersebut saling mempengaruhi antara satu sama lain. Responden yang mempunyai pendidikan tinggi mempunyai pendapatan, kesihatan dan bilangan ruang tamu yang lebih banyak berbanding dengan individu yang berpendidikan rendah. Kajian terhadap golongan wanita yang berpendidikan tinggi dalam kajian tersebut juga mendapati bahawa kumpulan wanita yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dilihat mempunyai kesedaran perancangan keluarga yang baik.

Kajian lain yang turut menekankan tentang kepentingan pendidikan ke atas kualiti hidup adalah daripada Azizah, Jamal & Roslina (2013). Kajian yang dilakukan ke atas sekumpulan petani di kawasan penanaman padi di negeri Perlis menunjukkan terhadap perhubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dengan kualiti hidup petani di kawasan kajian. Kumpulan petani yang mendapat pendidikan serta boleh membaca didapati berjaya memperolei jumlah pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan petani yang tidak menerima pendidikan serta tidak boleh membaca. Kumpulan petani yang boleh membaca mempunyai keupayaan untuk menerima tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak jabatan pertanian serta dilihat dapat mengadaptasi benda baru seperti penggunaan teknologi moden melibatkan mesin yang digunakan untuk aktiviti pertanian.

Oleh itu, artikel ini berdiri teguh di atas gagasan idea bahawa tanpa adanya tahap pendidikan yang baik lagi memuaskan masyarakat luar bandar akan terus ketinggalan dalam aspek sosial dan ekonomi yang seterusnya mempengaruhi tahap kualiti hidup yang baik. Tahap kualiti hidup peserta skim pembangunan SALCRA akan dapat ditingkatkan sekiranya usaha mempromosikan kepentingan pendidikan kepada generasi kedua SALCRA berjaya mencapai matlamatnya. Penyertaan komuniti luar bandar dalam

aspek pendidikan perlu selari dengan tuntutan semasa agar setanding dengan penyertaan komuniti yang berada di bandar.

### **Metodologi Kajian**

Kajian kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini merupakan kajian irisan lintang yang dijalankan di Bahagian Betong, Sarawak. Kajian ini melibatkan beberapa buah rumah panjang terpilih melibatkan peserta skim pembangunan SALCRA. Sampel kajian adalah Ketua Isi Rumah (KIR) yang menetap di rumah panjang di daerah Saratok dan Saribas, Betong. Kawasan kajian adalah melibatkan kawasan yang berada di bawah tadbiran dua daerah tersebut iaitu terdapat enam estet ladang kelapa sawit seperti Saratok, Saribas, Selatan Roban, Utara Roban, daerah Krian, dan daerah Rimbas. Seramai 360 orang KIR yang merupakan peserta skim SALCRA telah dipilih menerusi prosedur persampelan bertujuan. Syarat kelayakan utama untuk menjadi responden kajian ini adalah KIR mestilah peserta skim SALCRA. KIR yang masih dalam proses memperbaharui permohonan sebagai peserta SALCRA semasa kajian ini dijalankan tidak dibenarkan untuk terlibat dengan kajian ini. Senarai rumah panjang yang terlibat dengan program pembangunan skim SALCRA diperolehi terlebih dahulu daripada Pengurus Ladang di setiap daerah kecil sebelum pengumpulan data dilakukan.

Instrumen borang soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan latar belakang pendidikan responden dan kaitannya dengan kualiti hidup peserta skim SALCRA. Data kajian yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS versi 12.0). Statistik deskriptif (statistik kekerapan dan peratusan) digunakan untuk mengenal pasti latar belakang pendidikan responden kajian ini.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kualiti hidup peserta skim SALCRA akan dibincangkan berdasarkan keputusan analisis deskriptif seperti Jadual 1.

Jadual 1 Taburan Ciri-Ciri Responden Menurut Faktor Sosiodemografi (n=300)

Pembolehubah	Frekuensi	Peratusan %	Min (SP*)
<b>Umur</b>			50 (12.1*)
<b>Jantina</b>			
Lelaki	250	83.3	
Perempuan	50	16.7	
<b>Bangsa</b>			
Etnik Bumiputera Sarawak	300	100	
Melayu	-	-	
<b>Agama</b>			
Islam	-	-	
Kristian	300	100	
Buddha			
Hindu			
Lain-lain			
<b>Tahap Pendidikan</b>			
Pengajian Tinggi	18	6.0	
Sekolah Rendah	167	55.7	
Sekolah Menengah	63	21.0	
Tidak Bersekolah	52	17.3	
<b>Pekerjaan</b>			
Bekerja Dengan Kerajaan	18	6.0	
Bekerja Dengan Swasta	37	12.3	
Bekerja Sendiri	215	71.7	
Tidak Bekerja	30	10.0	
<b>Pendapatan Bulanan</b>			RM 1100.63 (998.60*)
<b>Status Perkahwinan</b>			
Berkahwin	265	88.3	
Tidak Berkahwin	19	6.3	
Duda/Janda	16	5.3	
<b>Jumlah Individu Tinggal Serumah</b>			3 (1.8*)

Sumber: Data Lapangan 2019

Tahap pendidikan peserta skim pembangunan SALCRA secara tidak langsung telah mempengaruhi jenis pekerjaan yang dimiliki. Hasil analisis kajian deskriptif kajian menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas terutamanya bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Responden kajian yang mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah, sekolah rendah dan responden yang tidak bersekolah mendapat peluang bekerja dengan pihak swasta. Namun begitu lebih ramai peserta SALCRA dalam kajian ini bekerja sendiri, bekerja sebagai petani dan ada yang tidak bekerja. Hasil kajian ini adalah selari dengan pandangan Moretti (2004) berkaitan dengan kesan dan hubungkait pendidikan ke atas kualiti hidup. Moretti menjelaskan keadaan tersebut menerusi model ekonometrik yang mendapati jumlah gaji meningkat selari dengan kenaikan tahap pendidikan atau kelayakan akademik pekerja. Jelas beliau lagi semakin tinggi tahap pendidikan maka semakin banyak peluang untuk masuk ke dalam pasaran pekerjaan dan memberikan peluang kepada individu untuk mengaut sumber pendapatan yang banyak. Dimian & Barbu (2012) pada masa yang sama turut menimbulkan persoalan sama ada kelayakan akademik semata-mata boleh menjamin peluang pekerjaan yang cerah ataupun tidak jika sekiranya tidak disertai dengan kemahiran dan pengalaman.

Pada masa yang sama perbincangan mengenai impak pendidikan ke atas kualiti hidup tidak terhenti setakat itu sahaja. Kualiti hidup peserta skim pembangunan SALCRA dari aspek pendidikan diberikan perhatian khusus memandangkan aspek pendidikan merupakan faktor penting sebagai salah satu komponen membentuk kualiti hidup. Oleh hal demikian, kesediaan pihak yang dibangunkan untuk menerima pembangunan dan pembaharuan secara positif, keupayaan pihak perencana pembangunan mengajak pihak yang dibangunkan memberikan kerjasama penuh ke dalam program pembangunan merupakan pelan perancangan strategik kerana pembangunan yang dilaksanakan juga bertujuan untuk meningkatkan penyertaan komuniti ke dalam pendidikan. Penyediaan prasarana pendidikan seperti pembinaan jalan raya berturap, akses kepada komunikasi dan sebagainya dapat meningkatkan aksesibiliti anak-anak responden dalam pendidikan asas dan mengurangkan keciciran. Menurut Ferrate (2009) tindakan yang bijak adalah keupayaan masyarakat untuk meningkatkan jumlah penyertaan mereka ke dalam sistem pendidikan kerana tindakan tersebut boleh mengelakkan masyarakat daripada terjerumus ke kancah kemiskinan. Melabur ke dalam pendidikan bukanlah langkah yang sia-sia kerana di situ bukan sahaja menjanjikan individu yang berpendidikan, pekerjaan yang baik, gaji yang



banyak malah keuntungan sosial iaitu berjaya melahirkan modal insan yang berkualiti dan berilmu pengetahuan.

Pada jadual 1, dapat dilihat data demografi responden kajian dari segi umur, jantina, bangsa, agama, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, status perkahwinan dan jumlah isi rumah. Daripada jadual tersebut didapati seramai 167 (55.7%) responden kajian adalah mempunyai pendidikan tahap sekolah rendah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden kajian yang menerima pendidikan sekolah rendah adalah yang teramai dalam kajian ini. Walaupun begitu, terdapat seramai 63 (21.0%) responden adalah mereka yang menerima pendidikan sehingga ke peringkat sekolah menengah. Pada masa yang sama hasil analisis deskriptif kajian ini mendapati terdapat responden kajian yang tidak pernah bersekolah sama sekali iaitu seramai 52 (17.3%). Selebihnya pula iaitu hanya 18 (6.0%) responden sahaja yang mempunyai pendidikan peringkat pengajian tinggi. Ini menunjukkan bahawa jumlah atau bilangan peserta skim SALCRA yang berjaya masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah amat kurang.

Dari segi pekerjaan responden pula didapati sebilangan besar dengan jumlah seramai 215 (71.7%) merupakan responden yang bekerja sendiri atau tidak bekerja dengan mana-mana individu, institusi atau syarikat. Daripada aspek kualiti sumber manusia, taraf pendidikan yang rendah merupakan kekangan dan permasalahan berlanjutan bagi peserta skim SALCRA untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih banyak. Selain itu, daripada jadual 1 menunjukkan seramai 37 (12.3%) responden kajian ini bekerja dengan pihak swasta. Dalam hal ini sekali lagi tahap pendidikan memainkan peranan penting menentukan jenis pekerjaan yang selayaknya untuk responden berdasarkan tahap pendidikan yang mereka miliki. Terdapat 30 (10.0%) responden pula tidak melakukan sebarang pekerjaan. Ini berhubungkait dengan faktor usia, penyakit kronik yang dihadapi dan kemampuan fizikal responden. Dalam kajian ini hanya sebilangan kecil peserta skim SALCRA yang bekerja dengan kerajaan iaitu seramai 8 (6.0%). Ini menunjukkan bahawa bilangan responden kajian yang berjaya mendapatkan pekerjaan dengan kerajaan adalah sangat sedikit berbanding dengan jenis pekerjaan yang lain. Keadaan ini berhubungkait dengan jumlah responden yang amat sedikit memiliki tahap pendidikan tinggi. Kajian daripada Cutler & Lleras. (2010); Kowalska et al. (2011) dalam kajian mereka mendapati pendidikan tertinggi dalam kalangan responden mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku yang positif terhadap kesihatan seperti penjagaan kesihatan seterusnya

mempengaruhi kualiti hidup yang baik. Daya mendepani penyakit (coping skills) adalah lebih baik daripada kalangan responden yang berpendidikan tinggi kerana mereka kaya dengan maklumat terkini berkaitan dengan aspek penjagaan kesihatan terutamanya melibatkan penyakit kronik.

Berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa tahap pendidikan yang dimiliki responden mempunyai hubungan yang sangat rapat dalam menentukan jenis pekerjaan mereka. Jenis pekerjaan pula akan menentukan jumlah pendapatan bulanan responden. Kesemua faktor tersebut mempunyai kesan langsung kepada kualiti hidup responden yang tinggal di kawasan luar bandar. Tambahan pula masalah pendapatan yang rendah merupakan hal umum yang biasanya berlaku kepada komuniti luar bandar dan hal ini juga turut berlaku kepada peserta skim SALCRA di Betong, Sarawak. Purata pendapatan bulanan yang diperolehi adalah dalam lingkungan RM 1,100,63. Sumber pendapatan bulanan KIR yang terlibat dengan kajian ini diperolehi daripada banyak sumber seperti dividen yang diterima daripada SALCRA, wang daripada anak-anak dan ahli keluarga terdekat dan kerja sambilan. Memandangkan secara purata KIR dalam kajian ini terdiri daripada warga emas namun aspek pendidikan tetap menjadi keutamaan dan teras utama agenda pembangunan dengan memperkasakan lagi aspek pendidikan terhadap anak-anak atau generasi ke dua SALCRA. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Wan Maznah, Azahan & Shamsuddin (2016) yang melakukan penyelidikan kualiti hidup dan tahap pendidikan isi rumah pinggir bandar. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pendidikan dengan kualiti hidup. Kajian tersebut mendapati kualiti hidup responden meningkat seiring dengan peningkatan tahap pendidikan sesebuah isi rumah. Semakin tinggi tahap pendidikan isi rumah maka semakin baik kualiti hidup kerana pekerjaan yang lebih baik dan sumber kewangan yang lebih stabil.

Pada masa yang sama, perbincangan mengenai kualiti hidup bukan sahaja fokus kepada pengukuran tertinggi semata-mata malah turut mengetengahkan hubungkait beberapa indikator yang boleh mempengaruhi kualiti hidup sesebuah komuniti. Yassin et al., (2012); Skevington, (2010) & Noor et., al. (2018) misalnya turut membahaskan pengaruh pendidikan ke atas kualiti hidup. Tahap kualiti hidup seseorang individu dan komuniti bukan sahaja ditentukan oleh penambahbaikan di dalam persekitaran malah turut dipengaruhi oleh alam sekeliling, pendidikan, status kesihatan, umur, budaya, keselamatan dan pembangunan ekonomi. Bagaimanapun Idris et al., (2016) melahirkan kebimbangan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti hidup kerana salah satu cabaran terbesar kerajaan adalah untuk

mengurangkan jurang perbezaan di antara kepelbagaian kelompok dan komuniti di dalam negara. Melalui kajian ini SALCRA yang juga merupakan agensi pembangunan tanah utama di Sarawak menggalas tanggungjawab besar untuk meningkatkan pembangunan tanah adat peserta skim SALCRA. Hasrat itu akan dapat dicapai sepenuhnya melalui kerjasama penuh daripada pihak peserta dan pemahaman baik terhadap objektif penubuhan SALCRA oleh semua kakitangan baik di peringkat atasan mahupun kakitangan sokongan.

Selain daripada itu, tingkat pendidikan yang rendah dalam kalangan peserta skim SALCRA juga turut didorong oleh faktor umur. Min atau sisihan piawai bagi umur peserta SALCRA dalam kajian ini adalah 50 tahun. Oleh itu, umur juga merupakan antara beberapa kekangan atau halangan yang mempengaruhi kualiti hidup kerana kebanyakan KIR yang menetap di rumah panjang adalah terdiri daripada individu yang sudah berusia dan warga emas. Pada masa yang sama tahap pendidikan rendah dan kurangnya kemahiran dalam kalangan peserta skim pembangunan SALCRA menjadi kekangan utama bagi mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan lain bagi mendapatkan pendapatan sampingan. Usia peserta dilihat sudah tidak produktif berbanding dengan generasi muda kerana limitasi dari segi keupayaan fizikal. Hasil kajian ini hampir sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Szymon, Malgorzata & Halina. (2019) ke atas 905 penduduk di Poland yang mendapati bahawa faktor umur dan pendidikan sememangnya saling berhubungkait dalam menentukan tahap kualiti hidup. Kajian tersebut mendapati kualiti hidup yang rendah dalam kalangan penduduk adalah kerana dipengaruhi oleh faktor tahap kepuasan ke atas pekerjaan, kurang aktiviti fizikal, status kesihatan, tahap pendidikan dan jumlah pendapatan bulanan.

Fenomena yang melanda peserta skim SALCRA pada ketika ini ialah penghijrahan generasi muda ke bandar secara berterusan. Anak-anak dan golongan muda pula lebih tertarik kepada pekerjaan di bandar dan kurang berminat untuk mengusahakan tanah pusaka. Penghijrahan berterusan generasi kedua peserta skim SALCRA ke kawasan bandar agak membimbangkan kerana dikhuatiri akan menggagalkan usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup melalui konsep in-situ. Kurangnya sambutan daripada generasi muda ke atas pelan pembangunan tanah adat boleh memberi impak negatif ke atas kedua-dua pihak sama ada pihak yang dibangunkan dan pihak perencana pembangunan.

Keadaan fizikal atau geografi mempunyai hubungkait dengan aksesibiliti peserta skim SALCRA kepada pendidikan. Kekangan dan halangan peserta skim SALCRA di awal penubuhan program pembangunan di kawasan mereka agak mencabar kerana dipengaruhi oleh kemudahan infrastruktur yang ada pada waktu itu. Ketiadaan jalan raya dan sekolah yang jauh dari rumah panjang antara beberapa permasalahan yang mempengaruhi tahap pendidikan peserta skim SALCRA. Keadaan bentuk muka bumi seperti berbukit dan jauh dari pekan turut menjadi halangan untuk akses kepada pendidikan sempurna. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan ke atas orang asli oleh Mohamad & Abdul (2009). Kedudukan yang jauh terpencil di kawasan pedalaman menyebabkan anak-anak orang asli jauh daripada menikmati kemudahan awam seperti pengangkutan awam, perpustakaan, alat perhubungan, iaitu jalan raya dan alat komunikasi. Kemudahan infrastruktur saban tahun telah bertambah baik setelah SALCRA menjadi agensi pembangunan tanah di kawasan kajian terlibat. Penyediaan bas sekolah, pembinaan jalan raya berturap ke sekolah antara inisiatif yang telah dilakukan oleh SALCRA untuk meningkatkan penyertaan peserta skim pembangunan SALCRA dan generasi seterusnya dalam aspek pendidikan.

Isu pendidikan peserta pembangunan skim SALCRA yang rendah bukan sahaja mempengaruhi peluang pekerjaan dan aspek ekonomi mereka malah dalam keadaan yang lebih teruk boleh menjerumus kepada masalah kemiskinan. Diakui tahap pendidikan yang rendah memberi impak negatif ke atas kualiti hidup secara keseluruhan dan sebaliknya. Hal ini dibuktikan dalam kajian kualiti hidup yang dijalankan oleh Zaimah, et al (2012) ke atas penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang mendapati lebih daripada 40 peratus responden mempunyai tahap pendidikan peringkat tertiar. Jumlah peratusan responden yang mempunyai pendidikan peringkat ijazah adalah yang tertinggi berbanding dengan tahap pendidikan yang lain. Pengkelasan jenis pekerjaan pula dibuat berdasarkan tahap pendidikan yang dimiliki oleh individu dalam sektor awam dengan perbezaan gaji berdasarkan jawatan tertentu. Keupayaan memiliki pendidikan sehingga ke tahap tertinggi mampu mengubah kehidupan masyarakat kampung kepada transisi kehidupan yang lebih baik serta membuka ruang masyarakat pedalaman untuk memperolehi peluang bekerja dengan kerajaan dan swasta. Preston & Elo (1996); Mirela Ionela (2012) menegaskan hujah mereka bahawa kualiti hidup yang baik dan sempurna semestinya mengutamakan pendidikan sebagai faktor untuk mengubah kehidupan yang diimpikan. Lemah dalam pendidikan hanya akan mendorong individu untuk hidup dalam kemiskinan.

## Kesimpulan

Secara kesimpulan dapat dijelaskan bahawa tahap kualiti hidup peserta skim SALCRA dari aspek pendidikan masih kurang memuaskan. Kajian ini mendapati sebilangan besar peserta skim SALCRA di Betong, Sarawak hanya mendapat pendidikan sehingga ke peringkat sekolah rendah sahaja. Apa yang lebih mengejutkan lagi ialah masih terdapat sekumpulan komuniti ini yang tidak pernah menerima pendidikan formal. Bilangan peserta skim SALCRA yang berjaya melanjutkan pengajian tinggi pula adalah amat sedikit. Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa isu pendidikan peserta skim SALCRA di bahagian Betong Sarawak perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan terutamanya agensi pelaksana pembangunan seperti SALCRA. Banyak kajian lepas yang menyokong hujah berkaitan kepentingan pendidikan iaitu kualiti hidup yang baik turut dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang tertinggi. Pendidikan adalah wadah terbaik untuk membentuk modal insan. Sesungguhnya langkah memperkasakan aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar melibatkan peserta SALCRA adalah wajar memandangkan aspek pendidikan merupakan salah satu faktor penting menentukan tahap kualiti hidup. Keciciran individu dalam pendidikan seolah-olah menafikan hak asasi manusia iaitu hak individu untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Walaupun kajian ini hanya fokus kepada KIR yang kebanyakannya sudah berusia namun harus diketahui juga bahawa terdapat sebilangan KIR adalah daripada generasi kedua SALCRA.

Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan agar agensi pelaksana iaitu SALCRA dan juga agensi kerajaan lain yang terlibat perlu lebih kerap meninjau penyertaan komuniti di rumah panjang dengan harapan dapat mengenalpasti keciciran dalam pendidikan dan mempromosikan pendidikan kepada komuniti berkenaan. Strategi terbaik untuk menilai tahap kualiti hidup peserta skim SALCRA adalah dengan mendekati komuniti tersebut selain berinteraksi secara bersemuka dengan lebih kerap turun padang bagi mendengar dan melihat sendiri keperluan dan permasalahan yang dihadapi oleh peserta skim SALCRA. Program-program pembangunan tidak boleh fokus kepada pembangunan berbentuk fizikal semata-mata tanpa mengambilkira kepentingan membangunkan modal insan melalui pendidikan. Memandang ringan akan perkara ini seolah-olah meniadakan hak dan peluang yang sepatutnya menjadi milik peserta skim SALCRA. Insentif pendidikan untuk anak-anak peserta yang berjaya dalam akademik

juga perlu diperhebatkan dan diteruskan kesinambungannya di masa akan datang sebagai langkah bijak mempromosikan pendidikan kepada komuniti tersebut.

Di samping itu, alternatif lain seperti mengadakan sesi dialog bersama Ahli Jawatankuasa Persatuan Ladang SALCRA (AJPLS) juga dilihat penting sebagai saluran komuniti untuk menyuarakan pandangan dan respon mereka kepada prestasi dan program pembangunan SALCRA. Kerjasama erat di kalangan peserta skim SALCRA dengan agensi perencana pembangunan amat dipelukan untuk mengetahui kehendak dan keperluan mereka terutamanya melibatkan aspek pendidikan. Penggembengan usaha dan tenaga oleh semua pihak dalam menyusun atur strategi pembangunan yang seimbang diyakini dapat meningkatkan kualiti hidup peserta skim SALCRA secara keseluruhan.

### **Penghargaan.**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SALCRA dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) di atas sokongan serta bimbingan terhadap penyelidikan Kualiti Hidup Peserta Program Pembangunan Skim SALCRA di Betong, Sarawak.

### **Rujukan**

- Abdul, F., H. (2003). *Pengenalan Falsafah Pendidikan Pahang*: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizah, M., Jamal, A., & Roslina, K. (2013). *Kesejahteraan hidup; Kajian petani di kawasan penanaman padi di negeri Perlis*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII). Johor Baharu. 7-9 Jun 2013.
- Buarque, C., Spolar, M., & Zhang., T. (2006). Education and poverty reduction. *Review of Education*, 52, 219-229.
- Cutler, D, M., & Lleras-Muney, A. (2010). Understanding differences in health behaviors by education. *Journal of Health Economics*, 29, 1-28.

- Dimian, G., & Barbu, A. (2012). "Public services-key factor to quality of life". *Management & Marketing. Challenges for the knowledge society*, 7(1), 151-164.
- Doris, P., Selvaratnam, Abdul, H., Norlida, H., Redzuan, O., Siti, H. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding PERKEM*, 7(2), 1215-1224.
- Ferrante, F. (2009). "Education, Aspirations and Life Satisfaction". *Social Science Research Network*, 64(4), 542-562.
- Idris, K., Mohamed, S., Md, Yassin, S., Abu Samah, A., Hamzah, A., & Abu Samah, B. (2016). Quality of life in rural communities: Residents living near to Tembeling, Pahang and Muar Rivers, Malaysia. *PLOS ONE*, 11(3), e0150741.
- Javed, Z., Khilji, B., & Mujahid, M. (2008). Impact of education on socio-economic status of villagers life: A case study of Shrien Wala village of Faisalabad District. *Pakistan Economic and Social Review*, 46(2), 133-146.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kiky, K., & Junaenah, S. (2015). Kemunduran sosioekonomi dan penyisihan sosial komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching; Kajian kes di Kampung Kudeio Baru dan Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 131-141.
- Kowalska, M., Hummeniuk, Danso, F., Kutak, E., & Arasiewicz, H. (2011). Quality of life of occupationally active people, aged 45-60, living in the Polish Industrial Region (Silesian Agglomeration). *Medycyna Pracy*, 62, 455-463.
- Mazdi, M., Jabil, M., & Rosmiza, M. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu Tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.

- Mohd, J., & Abdul, R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. In: Abdul, R., Zalizan, M. Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya. Penerbit UKM, Bangi.
- Mirela, I. (2012). Links between education, employment and quality of life. The case of Romania. *Management & Marketing Challenges for the Knowledge Society*, 7(4), 717-730.
- Moretti, E. (2004). "Estimating the social returns to higher education. *Journal of Econometrics*, 121(1-2), 1175-212.
- Noor, S., Mariana, M., Syahriah, B., Nur, F., & Muhammad, F. (2018). Perceptual study on conventional quality of life indicators. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 16(1), 303-313.
- Preston, S., & Elo, I.T. (1996). Survival after age 80: Letter to the editor. *New England Journal of Medicine*, 334(8), 537.
- Rehaf, A. (2018). Analysis of educational quality, a goal of education for all policy. *Higher Education Studies*, 9(1), 100-109.
- Saharia, I. (2015). Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83-99.
- Sarah, J., Salma, J., & Arfa, K. (2016). Effect of education on quality of life and well being. *The International Journal of Indian Psychology*, 3(3), 1-10.
- Samruhaizad, S., & Azahan, A. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267-280.
- Skevington, S. (2010). Qualities of life, educational level and human development: An international investigation of health. *Social Psychiatry Psychiatry Epidemiology*, 45(10), 999-1009.
- Syzmon, S., Malgorzata, K., & Halina, K. (2019). Quality of life and health among people living in an industrial area in Poland. *International Journal of Environment Research and Public Health*, 16(1221), 1-13.



- Wan, M., Azahan, A., & Shamsuddin, M. (2016). Kualiti hidup dan tahap pendidikan isi rumah di pinggir bandar di Malaysia: Satu penerokaan isi rumah di Mukim Rawang II, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 92-103.
- Yassin, S. M., Mohamed Shaffril, H. A., Hassan, M. S., Othman, M. S., Abu Samah, B., Abu Samah, A., & Ramli, S. A. (2012). The quality of life and human development index of community living along Pahang and Muar Rivers: A case of communities in Pekan, Bahau and Muar. *Journal of Sustainable Development*, 5(6), 90-103.
- Zaimah, R., Sarmila, M., Azima, A., Suhana, S., Mohd, Y., & Novel, L. (2012). Kualiti hidup dan kesejahteraan belia; Kajian ke atas pekerja sektor awam Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(6), 150-156.